

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 MAY 2016

## Niat Dr. M mahu jatuhkan parti

Um - 17/5/2016

**KUALA LUMPUR 16 Mei** - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad menyeru pengundi tidak memilih Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Kecil Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar menunjukkan niat sebenar bekas Perdana Menteri itu mahu 'membunuh' parti.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, selepas usahanya mahu menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menemui jalan buntu, Dr. Mahathir mengalihkan pula sasarannya kepada BN.

"Beliau menggesa pengundi untuk tidak memilih BN. Pada mulanya beliau berniat menyingkirkan Datuk Seri Najib Tun Razak dan kini beliau mahu menjatuhkan parti pula.

"Tindakan ini tidak boleh di-

terima sama sekali. Sangat jelas beliau kini bersama pembangkang dan mahu membunuh parti," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas gesaan Dr. Mahathir, di lobi Parlimen hari ini.

Dalam pada itu Tengku Adnan berkata, beliau menyokong cadangan agar bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Tun Dr. Mahathir dipecat daripada UMNO.

Katanya, langkah itu sememangnya wajar dilakukan setelah melihat tindak tanduk kedua-dua pemimpin berkenaan, namun keputusan akhir terletak pada Majlis Tertinggi UMNO yang akan bermesyuarat dan membincangkannya dalam masa terdekat ini.



**TENGGU ADNAN**